




Laporan Tahunan

Annual Report

2009



A large, stylized graphic of a globe is positioned in the background, showing a map of the world with warm orange and yellow tones. In the foreground, a portion of a building's facade is visible, featuring the text 'PERPUSTAKAAN SULTANAH ZANARIAH' and 'UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA' in a dark, serif font. The entire image has a warm, golden-yellow color palette.

PERPUSTAKAAN SULTANAH ZANARIAH
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA



Laporan Tahunan 2009

PERPUSTAKAAN SULTANAH ZANARIAH
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN 2009
PERPUSTAKAAN SULTANAH ZANARIAH
Hakcipta © 2009
Hakcipta terpelihara. Tiada satu bahagian pun daripada Laporan Tahunan ini boleh diterbitkan semula tanpa kebenaran bertulis daripada Perpustakaan Sultanah Zanariah.

ISBN 983-9119-77-X



- 01** Kata Aluan Ketua Pustakawan
- 02** Kumpulan Pengurusan
- Carta Organisasi**
- Pentadbiran Organisasi**
- 06** Sepintas Lalu Perkembangan Perpustakaan
- Halatuju**
- Visi, Misi, Objektif dan Moto
 - Polisi Kualiti
 - Piagam Pelanggan
- 11** Pencapaian Tahun 2009
- Anugerah Kualiti Naib Canselor 2008
 - Penubuhan Perpustakaan Fakulti Perluas Khidmat Pelanggan
 - Kajian Kepuasan Pelanggan
 - Pemantapan Budaya Kualiti
 - UTM-IR Naikkan Nama UTM
 - Penubuhan UTM Reading Stations (UTMRS)
 - Peningkatan Motivasi staf Menerusi Program Kerja Berpasukan
 - Sesi Penjanaan Ilmu Melalui *Engaging Knowledge Culture Programme* dan Program Bicara Karya
- 17** Pembangunan Sumber Manusia
- Pemanfaatan Organisasi Melalui Pengurusan Sumber Manusia
 - Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2008
 - Program Latihan Dalaman
 - Penetapan Penanda Aras Melalui Lawatan Kerja
 - Sukan dan Kermasyarakatan
- 23** Pembangunan Koleksi PSZ
- Penerimaan Buku dan Monograf
 - Pembelian Bahan Perpustakaan
 - Jurnal dan Pangkalan Data
 - Koleksi Khas UTM
 - Hadiah dan Pertukaran
 - Dokumen Digital
 - Pengkatalogan Bahan

- 27** Perkhidmatan PSZ
- Penggunaan Perpustakaan
 - Peminjaman Bahan
 - Peminjaman dan Penggunaan Bahan Mengikut Kategori Ahli
 - Peminjaman dan Penggunaan Bahan Mengikut Kategori Bahan
 - Keahlian Luar PSZ
 - *Interlibrary Loan*
 - Khidmat Runding Rujuk di Meja Penasihat Pengguna
 - Maklumbalas Perkhidmatan Perpustakaan
 - Pertanyaan Rujukan Elektronik Melalui E-mel bagi Kategori Umum
 - Rujukan oleh Pengguna Luar
 - Kemahiran Pencarian Maklumat melalui Kelas Kemahiran Perpustakaan
 - Matapelajaran Kokurikulum
 - Bengkel, Latihan dan Taklimat Pelajar
 - Lawatan
 - Promosi
 - Pembangunan Perpustakaan Fakulti dan Pusat Sumber
 - Sokongan Penyelidikan
 - Automasi Perpustakaan
- 39** Cabaran 2010
- Perkembangan Sistem Pengurusan Perpustakaan PSZ
 - Kepuasan Pelanggan
 - Perkembangan UTM Reading Stations
 - Pembangunan Koleksi PSZ
 - Perkembangan Perpustakaan Fakulti
 - Penambahbaikan Berterusan
 - UTM *Institutional Memory*
 - Perkhidmatan Maklumat Alumni UTM
 - Projek *Knowledge Management*



Kata Aluan Ketua Pustakawan

MESEJ DARIPADA KETUA PUSTAKAWAN



Assalamu'alaikum wrt. Wbh. dan Salam Sejahtera.

Saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izinNya maka Laporan Tahunan Perpustakaan Sultanah Zanariah (PSZ) bagi tahun 2009 dapat diterbitkan dengan jayanya.

Tahun 2009 mencatatkan kejayaan manis buat PSZ apabila berjaya meraih kemenangan kali kedua untuk Anugerah Kualiti Naib Canselor. Sebagai perintis kepada Sistem Pengurusan Kualiti di UTM, PSZ amat berbangga dengan penghormatan yang diberikan setelah memenangi anugerah tersebut pada tahun 1999. Kemenangan ini menyemarakkan lagi semangat PSZ untuk terus berusaha mempertingkatkan lagi kualiti penyampaian perkhidmatannya melalui penaiktarafan standard kualiti daripada MS ISO 9001:2004 kepada MS ISO 9001:2008. Pelbagai usaha telah dirangka oleh PSZ untuk merealisasikan matlamat tersebut melalui penganjuran kursus serta bengkel bagi mempertingkatkan lagi pemahaman dan kesedaran staf PSZ dalam amalan kualiti.

Tahun ini juga menyaksikan peningkatan ketara dalam pengendalian proses peminjaman dan pemulangan buku hasil daripada usaha promosi yang giat dilaksanakan terutama ketika Perhimpunan Bulanan Naib Canselor. Di samping itu, penubuhan Perpustakaan Fakulti yang turut menyumbang kepada peningkatan tersebut. Peminjaman, pemulangan serta perkhidmatan maklumat yang mesra pelanggan, efektif serta efisien nyata berjaya menarik minat pengguna perpustakaan.

Di peringkat antarabangsa pula, PSZ telah mengharumkan nama UTM apabila UTM-IR berjaya tersenarai dalam kedudukan 100 teratas di *Ranking Web of World Repositories*. Pencapaian UTM-IR dalam *Ranking Web of World Repositories* telah membantu melonjakkan kedudukan UTM dalam penarafannya di peringkat global dalam *Webometrics Ranking of World Universities*.

Di sini, saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua staf PSZ di atas prestasi cemerlang pada tahun 2009. Saya juga mengucapkan berbanyak terima kasih atas segala usaha berterusan mereka untuk meningkatkan kepuasan dan khidmat pelanggan. Segala kejayaan yang tercipta adalah hasil daripada sokongan, komitmen serta kerjasama yang padu daripada pihak pengurusan tertinggi sehingga kepada staf di semua peringkat. Pencapaian dan pengiktirafan ini merupakan inspirasi serta motivasi kepada warga PSZ dalam meningkatkan lagi kualiti dalam penyampaian perkhidmatan. Adalah menjadi harapan agar kejayaan ini menjadi bukti kepada pentingnya menyemai budaya kualiti dalam menghasilkan organisasi yang cemerlang dan sebagai penanda aras kepada fakulti dan jabatan lain untuk sama-sama menuju ke arah budaya kelas pertama.

Ketua Pustakawan

Pn. Hjh. Kamariah binti Nor Mohd. Desa

M.A. Library & Information Studies

(Loughborough, United Kingdom)

B.L.Sc. (UITM)



A photograph showing a stack of books on a light-colored wooden desk. In the foreground, a white electronic calculator is visible. The books are stacked in two main groups: one on the left and a larger one on the right. The spines of the books show various colors and patterns, suggesting a diverse collection of texts.

Kumpulan Pengurusan PSZ

KUMPULAN PENGURUSAN



Ketua Pustakawan

Pn. Hjh. Kamariah binti Nor Mohd. Desa
 M.A.Librarg & Information Studies
 (Loughborough, United Kingdom)
 B.L.Sc. (UITM)
 Tel: +607-5530101
 E-mel: kamariah@mel.psz.utm.my



Timbalan Ketua Pustakawan (Perancangan & Pembangunan)

Anuar bin Talib
 M.Sc.(IT) Library & Info. Services (UTM)
 Post Graduate Diploma in Computer
 Science (UTM)
 B.L.Sc. (UITM)
 Tel: +607-5530102
 E-mel: anuar@mel.psz.utm.my



Timbalan Ketua Pustakawan (Perkhidmatan)

Noraziah binti Sharuddin
 M.Sc. Information and Library Studies
 (Loughborough, United Kingdom)
 B.L.Sc. (UITM)
 Tel: +607-5530104
 E-mel: azie@mel.psz.utm.my



Ketua Bahagian Pemprosesan Teknikal

Badariah binti Borham
 Post Graduate Dip. in Info Sc. (UITM)
 B.Hsc. (UKM)
 Tel: +607-5530102
 E-mel: badria@mel.psz.utm.my



Ketua Bahagian Pengurusan Koleksi

Junaiddah binti Isnain
 Post Graduate Dip. in Info Sc. (UITM)
 B.Sc. (Zoology) (Hons) (UM)
 Tel: +607-5530138
 E-mel: jun@mel.psz.utm.my



Ketua Bahagian Pembangunan Automasi

Nor Asikin binti Mohamad
 M.Sc. (IT) Lib. & Info. Services (UTM)
 M. Lib. & Info. Sc. (IIUM)
 B.L.Sc. (UITM)
 Tel: +607-5530301
 E-mel: asikin@mel.psz.utm.my



Ketua Bahagian Sokongan Penyelidikan

Noraini binti Yahya
 Masters in Technology Management
 (Technology) (UTM)
 Post Graduate Dip. in Info Sc. (UITM)
 B.Sc. (Hons) (UM)
 Tel: +607-5530199
 E-mel: noraini@mel.psz.utm.my



Ketua Bahagian PSZ International Campus, Kuala Lumpur

Haslina binti Othman
 B.Information Studies (Hons) (UITM)
 Tel: +603-26154596
 E-mel: haslina@mel.psz.utm.my

CARTA ORGANISASI PERPUSTAKAAN SULTANAH ZANARIAH



PENTADBIRAN ORGANISASI

Ahli Jawatankuasa Tetap Senat Mengenai Perpustakaan

Pengurusan dan pentadbiran PSZ sebenarnya adalah di bawah nasihat dan dikawalsetia oleh pihak Universiti melalui Jawatankuasa Tetap Senat Mengenai Perpustakaan. Senarai Ahli Jawatankuasa Tetap Senat Mengenai Perpustakaan sesi 2009 adalah seperti berikut:

Prof. Ir. Dr. Mohd Azraai bin Kassim (Pengerusi)

- Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)

Prof. Madya Dr. Ahmad Nazri bin Muhamad Ludin

- Dekan, Fakulti Alam Bina

Dato' Prof. Dr. Ahmad bin Darus

- Dekan, Fakulti Kejuruteraan Elektrik

Prof. Dr. Mohd. Salleh bin Abu

- Dekan, Fakulti Pendidikan

Puan Kamariah binti Nor Mohd Desa

- Ketua Pustakawan,
Perpustakaan Sultanah Zanariah

Prof. Dr. Mohammad Ishak bin Desa

- Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat

Prof. Dr. Nor Aishah binti Saidina Amin

- Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Sumber Asli

Prof. Dr. Azman bin Hasan

- Pusat Pengurusan Penyelidikan

Prof. Madya Dr. Ali bin Selamat

- Sekolah Pengajian Siswazah

Prof. Madya Dr. Khairul Anuar bin Abdullah

- Sekolah Pendidikan Profesional
dan Pendidikan Berterusan

Prof. Madya Dr. Abdul Kadir bin Marsono

- Fakulti Kejuruteraan Awam

Prof. Madya Yahaya bin Ramli

- Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

Prof. Madya Dr. Nik Rumzi bin Nik Idris

- Fakulti Kejuruteraan Elektrik

Prof. Madya Abd. Hamid bin Mar Iman

- Fakulti Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi

Prof. Madya Dr. Wan Aini binti Wan Ibrahim

- Fakulti Sains

Prof. Madya Dr. Khairiyah binti Mohd Yusof

- Pusat Pengajaran dan Pembelajaran

Prof. Madya Mazlan Mohammad bin Abdul Hamed

- Kolej Sains dan Teknologi



Prof. Madya Dr. Zaidah binti Zainal

- Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia

Prof. Madya Dr. Wahid bin Omar

- Pejabat Harta Bina

Dr. Lokman bin Mohd Tahir

- Fakulti Pendidikan

Dr. Alice Sabrina binti Ismail

- Fakulti Alam Bina

Hajjah Sharifah Alwiah binti Syed Alwi

- Bendahari

Tuan Hj. Samsudin bin Nyat

- Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Encik Anuar bin Talib

- Timbalan Ketua Pustakawan
(Perancangan & Pembangunan)

Puan Noraziah binti Sharuddin

- Setiausaha / Timbalan Ketua Pustakawan
(Perkhidmatan)



A photograph showing a row of books standing upright on a shelf. The books have various colored spines, including red, yellow, green, blue, and white. The background is slightly blurred, suggesting a library or bookstore setting.

Latarbelakang & Halatuju PSZ



SEPINTAS LALU PERKEMBANGAN PERPUSTAKAAN

Perpustakaan Sultanah Zanariah (PSZ) merupakan pusat maklumat dan rujukan bagi pelajar dan staf Universiti Teknologi Malaysia serta masyarakat sekitarnya. Perpustakaan ini telah dirasmikan pada tanggal 3 Februari 1991 oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Baginda Sultanah Zanariah binti Almarhum Tunku Ahmad, Sultanah Johor.

Perpustakaan induk terletak di Skudai, Johor dan mempunyai 3 cawangan utama iaitu di UTM International Campus Kuala Lumpur, Pusat Sumber UTM Razak School of Engineering and Technology dan Pusat Sumber Loji Pandu. Selain itu, bermula pada tahun 2008, PSZ mengembangkan lagi perkhidmatannya dengan menubuhkan perpustakaan cawangan di setiap fakulti, pusat pembelajaran serta pusat kecemerlangan.

Perpustakaan Sultanah Zanariah di Skudai merupakan sebuah bangunan empat tingkat dengan keluasan ruang bangunan 18,370 meter persegi dan boleh menempatkan sebanyak 3,422 tempat duduk. Sehingga Disember 2009, koleksi PSZ telah melebihi 2 juta naskhah yang merangkumi bahan bacaan bercetak, jurnal dan buku elektronik (*e-journals & e-books*), pangkalan data atas talian, bahan-bahan media elektronik, bahan kartografi seperti peta, fotografi udara dan sebagainya serta bahan-bahan pandang dengar seperti cakera padat, mikrofilem, koleksi gambar dan sebagainya. Sebanyak 198 orang staf sedang berkhidmat di PSZ serta di cawangan-cawangannya.



PSZ dikenali sebagai peneraju Sistem Pengurusan Kualiti di UTM. PSZ turut menerima pengiktirafan kepada budaya kualiti yang menjadi amalan di PSZ melalui penganugerahan Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) 2008 pada 12 Mei 2009. Kemenangan ini merupakan kejayaan kedua buat PSZ sejak AKNC diperkenalkan pada tahun 1999. Dalam iltizamnya untuk memastikan kelangsungan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan, PSZ telah memenangi pelbagai anugerah dalam bidang perkhidmatan seperti pemenang kedua Anugerah Focus Learning Service Challenge 2007 dan Anugerah Perkhidmatan Kaunter Terbaik sempena Minggu Kualiti UTM 2008. Semua kejayaan yang dicapai merupakan pengiktirafan atas kecemerlangan PSZ sebagai sebuah perpustakaan akademik yang giat berusaha memberi perkhidmatan terbaik, aktif dari aspek pendidikan pengguna dan aktiviti kemasyarakatan.



Sebagaimana menyokong usaha UTM ke arah universiti bertaraf dunia, PSZ telah melaksanakan Dasar Akses Terbuka melalui *UTM-Institutional Repository* (UTM-IR) yang diperkenalkan pada tahun 2007. Terkini UTM merupakan universiti pertama di negara ini yang menerima pakai Dasar Akses Terbuka bagi penghasilan bahan ilmiah warga kampusnya. Malah UTM juga merupakan satu-satunya *Institutional Repository* yang tersenarai dalam kedudukan 400 teratas *Ranking Web of World Repositories* (<http://repositories.webometrics.info>). Pencapaian UTM-IR dalam *Ranking Web of World Repositories* telah membantu melonjakkan kedudukan UTM dalam penarafannya di peringkat global dalam *Webometrics Ranking of World Universities*.



Perpustakaan Sultanah Zanariah (PSZ) UTM terus memainkan peranannya bukan sahaja sebagai gerbang perkhidmatan maklumat malah meningkatkan lagi usaha dalam merealisasikan peranan PSZ sebagai pusat pembelajaran dan pembudayaan ilmu. Usaha ini diteruskan melalui penubuhan UTM Reading Stations atau UTMRS. UTMRS ini telah dilancarkan pada 4 Mei 2009 hasil daripada litizam Naib Canselor untuk mewujudkan suasana keilmuan di kalangan warga UTM. Sehingga Disember 2009, terdapat lebih dari 6,500 naskhah bahan bacaan yang disumbangkan oleh masyarakat kampus melalui kempen menderma buku yang giat dijalankan pada setiap masa. Bahan-bahan bacaan ini boleh didapati di 48 lokasi sekitar kampus Skudai dan 10 di UTM International Campus Kuala Lumpur.

Peranan PSZ kini tidak lagi terhad sebagai pusat sumber maklumat utama UTM tetapi juga sebagai pencetus budaya membaca dan perkongsian pengetahuan. Tahun 2009 mencatat sejarah apabila PSZ berjaya melaksanakan sesi penjanaan ilmu melalui kerjasama dengan tokoh-tokoh akademik dan korporat dari pelbagai sektor. Sesi berskala besar yang dikenali sebagai *Engaging Knowledge Culture Programme* ini telah berjaya mengumpulkan tokoh-tokoh dari seluruh Malaysia dalam beberapa sesi perbincangan dan perkongsian maklumat sekitar topik sesuatu buku mahupun hal ehwal semasa. Sesi berbentuk forum ini bertujuan untuk meluaskan lagi penyebaran maklumat berbentuk keilmuan kepada seluruh warga UTM.

Selaras dengan peranan PSZ yang semakin penting pada masa kini dalam pembangunan pendidikan dan penyelidikan selain daripada memenuhi keperluan rujukan Universiti, PSZ turut terlibat dalam membantu usaha pengakreditasian UTM sebagai universiti ulung serta bagi permohonan status Universiti Penyelidikan. PSZ berganding bahu dalam memastikan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan adalah sejajar dengan misi dan visi UTM.





HALATUJU

Visi PSZ

Perpustakaan Sebagai Pusat Ilmu Terulung Dalam Bidang Sains dan Teknologi.

Misi PSZ

Menyumbang Kepada Peningkatan Ilmu Melalui Penyediaan Akses Mudah, Penyebaran dan Perkongsian Maklumat Sains dan Teknologi.

Objektif PSZ

- Memberi Perkhidmatan Berasaskan Maklumat Kepada Pelanggan.
- Mengurus Maklumat yang Menepati Keperluan Pembelajaran, Penyelidikan, Perundingan dan Penerbitan di UTM.
- Mempromosi Perkhidmatan Maklumat Kepada Masyarakat Dalam dan Luar UTM.
- Memupuk Budaya Ilmu dan Kecemerlangan Minda di Kalangan Masyarakat Dalam dan Luar UTM.

Moto PSZ

Kecemerlangan Informasi



Piagam Pelanggan

Menyedari pelanggan PSZ memerlukan perkhidmatan yang cekap dan berkualiti untuk mendapatkan maklumat yang dikehendaki. Staf PSZ adalah komited kepada usaha dan pembaikkan berterusan yang dapat memenuhi kehendak pelanggan. Kami berjanji memberi perkhidmatan yang cemerlang serta bersedia melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan seperti berikut:

- Memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan peka kepada keperluan dan kepuasan pelanggan dengan:
 - a) Memastikan semua permohonan untuk pembelian bahan dapat dipertanggungkan sebelum pertengahan bulan September setiap tahun,
 - b) Memastikan semua bahan diproses dengan segera supaya tunggakan sifar,
 - c) Membekalkan perkhidmatan maklumat terkini dengan terang, lengkap dan mengikut jangkama masa yang ditetapkan,
 - d) Menentukan setiap pangkalan data yang disediakan dapat diakses oleh pelanggan,
 - e) Memastikan pelanggan diberi layanan dalam proses pemulangan bahan dalam masa 2.5 minit pada keadaan biasa.
- Mengamalkan sikap positif dan nilai-nilai murni dalam perkhidmatan.
- Melaksanakan langkah pembaharuan yang berterusan bagi mempertingkatkan perkhidmatan.
- Meningkatkan kemahiran dan kewibawaan staf melalui latihan.
- Memastikan persekitaran PSZ selamat dan kondusif.

Polisi Kualiti

Perpustakaan Sultanah Zanariah memberi perkhidmatan kepada pelanggan berpanduan kepada perlunya **kepuasan pelanggan dan pembaharuan berterusan** yang boleh tercapai dengan memastikan:

- i) Staf PSZ beretika, mahir dan profesional.
- ii) Peruntukan dan penyediaan sumber mencukupi.
- iii) Keselamatan sumber terpelihara.
- iv) Proses kerja berkesan dan cekap, dan
- v) Penggunaan teknologi di tahap intensif.

Usaha mencapai keperluan pelanggan dan penambahbaikan berterusan diterjemahkan kepada objektif kualiti yang disemak dari semasa ke semasa seperti berikut:

- Mempertingkatkan pengurusan sumber ilmu dengan secara beransur melengkapkan Koleksi Khas dan *UTM Institutional Repository (UTM-IR)* sehingga tahun kini,
- Mengkatalog semua penulisan UTM, berperingkat-peringkat sehingga tunggakan sifar,
- Meningkatkan 5% pendepositan dokumen digital di *UTM Institutional Repository (UTM-IR)* bagi tahun semasa,
- Memantau dan menganalisis penggunaan sumber elektronik dua kali setahun,
- Memantau dan menganalisis pelaksanaan komponen-komponen perpustakaan digital,
- Mencapai 80% tahap kepuasan pelanggan bagi perkhidmatan dan kemudahan Perpustakaan melalui Kajian Kepuasan Pelanggan,
- Mencapai 80% tahap kepuasan pelanggan bagi Program Pendidikan Pengguna,
- Mengganda aktiviti sebaran dan perkongsian ilmu dan
- Mengaudit pelaksanaan *Standard People Practices* sekurang-kurangnya 1 kali setahun.

Perancangan teratur dan analitik akan membawa PSZ ke arah perkhidmatan yang melepas tahap ekspetasi pelanggan dan pihak-pihak tertentu yang berkepentingan kepada PSZ. Oleh itu, sangatlah penting semua staf memahami, melaksana dan mengutamakan Polisi Kualiti PSZ.





Pencapaian PSZ Tahun 2009



Staf PSZ meraikan kemenangan Anugerah Kualiti Naib Canselor buat kali kedua.

PENCAPAIAN 2009

Anugerah Kualiti Naib Canselor 2008

Sejarah berulang kembali apabila Perpustakaan Sultanah Zanariah telah diumumkan sebagai pemenang Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) 2008 sempena Majlis Citra Karisma yang diadakan pada 12 Mei 2009. Kemenangan ini merupakan yang kedua bagi PSZ setelah dinobatkan sebagai pemenang AKNC yang pertama pada tahun 1998.

Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) adalah anugerah yang paling berprestij di peringkat Universiti. AKNC memberi pengiktirafan kepada fakulti/bahagian yang membudayakan kualiti dalam pengurusan serta perkhidmatannya. Setiap fakulti/bahagian dinilai berdasarkan komitmen pengurusan atasan, pencapaian 'output', pengurusan proses penghasilan 'output', pengurusan sumber serta inovasi.

Dalam majlis tersebut, Perpustakaan Sultanah Zanariah telah menerima sebuah piala pusingan, hadiah wang tunai berjumlah RM20,000 berserta plak dan sijil yang disampaikan oleh Pro-Canselor UTM. Yang Amat Mulia Raja Zarith Sofiah Almarhum Sultan Idris Shah.

Penubuhan Perpustakaan Fakulti Perluas Khidmat Pelanggan

Berkuatkuasa 5 Januari 2009, Perpustakaan Sultanah Zanariah sebagai perpustakaan induk telah mengambil inisiatif untuk mengambil alih pengurusan Pusat Sumber Fakulti yang kini dikenali sebagai Perpustakaan Fakulti.

Setelah setahun beroperasi, kebanggaan Perpustakaan Fakulti ini telah banyak mengalami perubahan terutama dari aspek pengurusan bahan dan perkhidmatan yang lebih konsisten.

Perkhidmatan yang disediakan oleh Perpustakaan Fakulti meliputi khidmat runding rujuk, pencarian bahan di INFOLAN2, penggunaan pangkalan data, rujukan bahan serta peminjaman dan pemulangan (di beberapa Perpustakaan Fakulti).

Kajian Kepuasan Pelanggan

Kaji Selidik Indeks Kepuasan Pelanggan PSZ bagi tahun 2009 telah diadakan sebagai satu kaedah bagi memberi petunjuk kepada tahap kepuasan pelanggan terhadap kemudahan dan perkhidmatan yang diberikan di PSZ. Prestasi diukur berdasarkan kepada lima kategori utama iaitu Indeks Staf, Indeks Perkhidmatan, Indeks Maklumat Perpustakaan, Indeks Produk PSZ dan Indeks Persekitaran.

Indeks Maklumat/Kemahiran Perpustakaan dan Indeks Produk PSZ menunjukkan peningkatan sebanyak 3.0% dan 2.6% kecuali Indeks Staf dan Indeks Persekitaran menurun sebanyak 3.0% pada tahun 2009. Indeks Perkhidmatan adalah sama seperti tahun sebelumnya.



Secara keseluruhannya didapati pencapaian Kepuasan Pelanggan PSZ 2009 meningkat kepada 73.56% berbanding 73.24% pada tahun 2008.



Pemantapan Budaya Kualiti

Budaya kualiti di PSZ diteruskan lagi pada tahun 2009 dengan audit surveillance oleh pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd. pada 29 Julai hingga 30 Julai 2009 yang diketuai oleh Hajah Aine Jamaliah Mohamad Zain.

Hasil dapatan dari audit yang berlangsung selama dua hari itu membuktikan PSZ telah berjaya mengekalkan Sistem Pengurusan Kualitinya dengan baik. Walaupun tiada ketidakakuratan yang diperolehi, namun terdapat tiga penambahbaikan yang direkodkan iaitu penilaian keberkesanan bagi latihan yang telah dihadiri oleh staf, tindakan pemantauan atas tindakan pembetulan yang telah diambil serta kawalan proses melibatkan penyelenggaraan, kawalan inventori dan proses merekod perkhidmatan bagi bilik/alat media.



Pada tahun ini juga PSZ telah mengadakan beberapa siri kursus berkaitan MS ISO 9001:2008 sebagai langkah persediaan dalam memantapkan lagi pembudayaan kualiti di PSZ melalui pensijilan semula yang akan dilaksanakan pada tahun 2010. Kursus yang melibatkan semua Pustakawan dikendalikan oleh fasilitator dari Jabatan Perkhidmatan Kualiti SIRIM Berhad. Antara kursus-kursus yang telah dijalankan sepanjang tahun 2009 adalah Kursus Pemahaman dan Pelaksanaan MS ISO 9001:2008 dan Kursus Audit Dalam MS ISO 9001:2008.

Selain itu, Urusetia Kualiti PSZ turut mengambil inisiatif melaksanakan Bengkel Semakan Dokumen Bagi Keperluan MS ISO 9001:2008 dan telah berjaya memberi bimbingan kepada pemilik proses baru dan lama dalam menyediakan dan mengemaskini dokumen bagi prosedur masing-masing untuk memenuhi keperluan MS ISO 9001:2008.

UTM-IR Naikkan Nama UTM

Sebagai menyokong usaha UTM ke arah universiti bertaraf dunia, PSZ telah melaksanakan Dasar Akses Terbuka melalui *UTM-Institutional Repository* (UTM-IR) yang diperkenalkan pada tahun 2007. Terkini UTM merupakan universiti pertama di negara ini yang menerima pakai Dasar Akses Terbuka bagi penghasilan bahan ilmiah warga kampusnya. Malah UTM juga merupakan satu-satunya *Institutional Repository* yang tersenarai dalam senarai 400 teratas *Ranking Web of World Repositories* (<http://repositories.webometrics.info>).

Pada Julai 2009 UTM-IR berada di tempat ke-58 dalam senarai Top 400 Repositories berbanding tempat ke-85 pada Januari 2009. Manakala dalam kategori Top 400 Institutional, UTM-IR berada di tempat ke-48, berbanding tempat ke-72 pada Januari 2009. Pencapaian UTM-IR dalam *Ranking Web of World Repositories* telah membantu melonjakkan kedudukan UTM dalam penarafannya di peringkat global dalam *Webometrics Ranking of World Universities*.

Kedudukan UTM-IR berdasarkan Ranking Web of World Repositories

Tahun	Kategori	Bulan	
		Januari	Julai
2009	Top 400	85	58
	Top 400 Institutional	72	48
2008	Top 400	159	82

Penubuhan UTM *Reading Stations* (UTMRS)

Penubuhan UTMRS adalah merupakan cetusan idea Naib Canselor UTM, Profesor Dato' Ir. Dr. Zaini bin Ujang dengan matlamat agar raya dapat menjadi wadah kepada budaya cintakan membaca dan ilmu di kalangan seluruh warga UTM. Kewujudan UTMRS juga adalah bagi menyokong menzahirkan ekosistem intelektual di kalangan masyarakat kampus dan sekitarnya dengan penyediaan bahan bacaan untuk dikongsi bersama.

Ditubuhkan pada 4 Mei 2009, UTMRS bermula dengan 16 lokasi di seluruh UTM dan pada 2 Julai 2009 jumlah ini telah meningkat kepada 45 UTMRS kesemuanya. Sehingga Disember 2009, terdapat 45 UTMRS di UTM Johor Bahru dan 10 buah di UTM International Campus, Kuala Lumpur, menjadikan sebanyak 55 UTM Reading Stations di pelbagai lokasi tumpuan masyarakat UTM.


Apa yang menarik bagi koleksi UTMRS adalah ia dibangunkan melalui sumbangan secara sukarela oleh warga UTM. Langkah ini secara tidak langsung memupuk semangat bahawa UTMRS adalah milik bersama warga kampus. Kotak-kotak khas untuk menyumbang koleksi buku serta majalah disediakan di Fakulti, Jabatan, Pusat Kecemerlangan, Kolej Mahasiswa serta di beberapa lokasi strategik di sekitar kampus. Sehingga Disember 2009, koleksi UTMRS berjumlah 11,419 naskhah.

Setakat ini sambutan melalui peminjaman terhadap koleksi ini amat menggalakkan. Maklumat terkini berkenaan perkembangan serta galeri gambar lokasi UTMRS boleh dilihat di

>>> <http://portal.psz.utm.my/readingstation/>.

Lokasi UTMRS di PSZ International Campus Kuala Lumpur

UTMKLRS1	Lobi Pejabat Canseleri
UTMKLRS2	Lobi Pejabat Pendaftar
UTMKLRS3	Bilik Eksekutif, Pej. Perhubungan Awam
UTMKLRS4	KST : Ruang Rehat Pelajar
UTMKLRS5	KST : Ruang Rehat Pensyarah
UTMKLRS6	Yagasan Selangor - Kounter Pertanggungan
UTMKLRS7	Kediaman Siswa Semarak : Depan First Shop
UTMKLRS8	Foyer A, Kediaman Siswa Jaya
UTMKLRS9	Foyer B, Kediaman Siswa Jaya
UTMKLRS10	Foyer C, Kediaman Siswa Jaya



Naib Canselor UTM melihat koleksi UTMRS



Warga UTM beristirahat di salah satu UTMRS di International Campus Kuala Lumpur

RS1 - Pej NC	RS16 - Kolej Rahman Putra	RS31 - PHB
RS2 - Pej TNCPB	RS17 - Kolej Tun Fatimah	RS32 - FKA
RS3 - Pej TNC(A)	RS18 - Kolej Tun Razak	RS33 - FAB
RS4 - Pej TNC IHEPI	RS19 - Kolej Tun Hussein Onn	RS34 - FKE
RSS - Pendaftar	RS20 - Kolej Tun Dr. Ismail	RS35 - FKM
RS6 - Bendahari	RS21 - Kolej Tunku Canselor	RS36 - FKKKSA
RS7 - Pusat Kesihatan	RS22 - Kolej Perdana	RS37 - FS
RS8 - Pusat Ko-ku	RS23 - Kolej 9	RS38 - FKSG
RS9 - Pusat Sukan	RS24 - Kolej 10	RS39 - FPPSM
RS10 - Kolej 12	RS25 - Kolej 11	RS40 - FP
RS11 - MSI	RS26 - Kolej 13	RS41 - PPIPS
RS12 - ISC	RS27 - Kolej 14	RS42 - FHBB
RS13 - SUB	RS28 - Kolej 15	RS43 - FKBSK
RS14 - CICT	RS29 - Kolej 16	RS44 - SPACE
RS15 - ALUMNI	RS30 - Kolej 17	RS45 - CAFÉ TROPİKA

Lokasi UTMRS di UTM Johor Bahru



Staf PSZ bergambar bersama fasilitator Program Bina Insan dan Kerja Berpasukan di Kampung Terol, Yan, Kedah iaitu Y.Bhg. Prof. Syed Mohd Famy bin Syed Mansor.

Peningkatan Motivasi Staf Menerusi Program Kerja Berpasukan

Perpustakaan Sultanah Zanariah telah berjaya menganjurkan Program Bina Insan dan Kerja Berpasukan di Kampung Terol, Yan, Kedah sebanyak dua sesi pada 19 - 23 Jun 2009 dan 4 - 8 Julai 2009. Program ini telah dikendalikan oleh S.M Famy Management and Services di bawah kendalian Y.Bhg. Prof. Syed Mohd Famy bin Syed Mansor (bekas Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar, UTM).



Disertai seramai 68 staf sokongan, program ini bertujuan memperkuatkan nilai kongsi bersama terhadap wawasan Perpustakaan Sultanah Zanariah dan UTM di samping mengeratkan jalinan kerjasama antara staf. Di samping itu, peserta juga diterapkan dengan nilai-nilai kerja dan pengurusan Islam dan cara-cara mempertingkatkan kualiti perkhidmatan. Mendapat sokongan penuh daripada Ketua Pustakawan, program ini nyata mendapat maklumbalas positif daripada para peserta.

Lanjutan dari itu, sebuah lagi program bertajuk *Walk Through The Campus* telah diadakan pada 24 Julai 2009. Program ini merupakan kesinambungan kepada Program Bina Insan dan Kerja Berpasukan yang diadakan sebelum ini. Program berbentuk riadah ini membawa peserta mengelilingi kampus dengan berjalan kaki sambil mempelajari lebih lanjut mengenai sejarah pembinaan serta maksud di sebalik pembinaan dan rekabentuk bangunan-bangunan di UTM. Perjalanan bermula dari pintu gerbang utama UTM sehingga ke Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Sumber Asli.

Perpustakaan Sultanah Zanariah berharap dengan adanya program seperti ini dapat menimbulkan kesedaran yang mendalam bagi meningkatkan sikap kerja berpasukan dan seterusnya kualiti perkhidmatan.



Peserta 'Walk Through The Campus' mendengar penerangan yang diberikan oleh Prof. Syed Mohd. Famy Syed Mansor ketika melawat Pejabat Keselamatan UTM.



Peserta bergambar bersama.

Sesi Penjanaan Ilmu Melalui *Engaging Knowledge Culture Programme* dan Program Bicara Karya.

Sebagai usaha untuk meluaskan lagi penyebaran maklumat berbentuk keilmuan kepada seluruh UTM, PSZ telah benganjurkan beberapa sesi perbincangan dan perkongsian ilmu sekitar topik sesuatu buku mahupun hal ehwal semasa. Pada tahun 2009, PSZ telah menjemput tokoh-tokoh dari seluruh Malaysia samada dalam bidang akademik atau korporat untuk berinteraksi dengan masyarakat UTM melalui program berbentuk forum yang dikenali sebagai *Engaging Knowledge Culture Programme*.

Selain itu, program Bicara Karya – program ilmu berbentuk ulasan buku turut dijalankan dengan menjemput penulis asal karya atau pun staf akademik UTM sebagai pengulas dalam usaha PSZ untuk mewujudkan apresiasi terhadap karya-karya asli.



Prof. Madya Dr. Maketab Mohamed memberi ulasan buku bertajuk *Dreams from My Father: A Story of Race and Inheritance*



Naib Canselor menyampaikan cenderahati kepada Prof. Dr. Rose Alinda Alias sempena Program Bicara Karya pada 8 Julai 2009

Tarikh	Pengulas	Judul Buku
5 Mei 2009	Prof. Dato' Ir. Dr. Zaini Ujang	Mengangkasa Pengajaran Tinggi
22 Mei 2009	Prof. Dr. Wan Mohd Nor Wan Daud	Budaya Ilmu: Satu Penjelasan
8 Julai 2009	Prof. Dr. Rose Alinda Alias	<i>The Last Lecture</i>
12 Ogos 2009	Prof. Madya Dr. Maketab Mohamed	<i>Dreams from My Father: A Story of Race and Inheritance</i>



Naib Canselor UTM bersama Tun Sri Abdul Halim dan Dato' Abdul Halim Harun dalam Engaging Knowledge Culture Programme 2009

Engaging Knowledge Culture Programme 2009

Tarikh	Ahli Panel	Judul Buku
22 Januari	Pengerusi: Prof. Datuk Ishak Ismail (Pengerusi Majlis Profesor UTM) Ahli Panel: 1. Prof. Emeritus Datuk Dr. Osman Bakar (International Institute of Advanced Islamic Studies) 2. Tuan Hj. Azmi Shah Suratman (PPIPS, UTM)	<i>Tawhid & Science: Islamic Perspectives on Religion and Science</i> Pengarang: Prof. Emeritus Datuk Dr. Osman Bakar
13 Mac	Pengerusi: Prof. Dr. Marzuki Khalid (TNC (PSI)) Ahli Panel: 1. Prof. Datuk Dr. Sheikh Omar Abdul Rahman (IUPM) 2. Prof. Vijay Kumar Arora (California University/Profesor Pelawat UTM)	<i>The Research Game in Academic Life</i> Pengarang: Lisa Lucas
15 Julai	Pengerusi: Prof. Dato' Ir. Dr. Zaini Ujang (Naib Canselor UTM) Ahli Panel: 1. Tan Sri Abdul Halim Ali (Pengerusi LPU) 2. Dato' Abdul Halim Harun (Presiden & CEO Kumpulan UMW Holdings Berhad)	<i>Turning Points: The UMW Story</i> Pengarang: Zuraidah Omar



Pembangunan Sumber Manusia

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Pemantapan Organisasi Melalui Pengurusan Sumber Manusia

Tahun 2009 mencatatkan peningkatan bilangan lantikan baru staf iaitu seramai 29 orang berbanding 7 orang pada tahun 2008. Dengan pertambahan ini, jumlah staf PSZ pada tahun 2009 adalah 194 orang, berbanding 170 orang pada 2008, iaitu peningkatan sebanyak 14%. Ini menggambarkan usaha PSZ yang giat dalam meningkatkan lagi produktiviti dan tahap keberkesanan dalam memberikan perkhidmatan kepada warga UTM.

Jumlah Keseluruhan Staf PSZ 2009

Jawatan	Gred	JB	KL	Fakulti/ Bah.
Ketua Pustakawan	VU07	1	-	-
Timbalan Ketua Pustakawan	S52	2	-	-
Ketua Bahagian	S48	4	1	-
Pustakawan Kanan	S44	6	1	-
Pustakawan	S41	23	3	-
Penolong Pendataan	N41	1	-	-
Pegawai Sistem Maklumat	F41	1	-	-
Penolong Pegawai Tadbir	N32	1	-	-
Penolong Kurator	S27	1	-	-
Penolong Pegawai Perpustakaan	S27	-	1	1
Pembantu Perpustakaan	S26	1	1	-
Terengganu				
Pembantu Perpustakaan Kanan	S33	3	1	4
Pembantu Perpustakaan	S17	64	14	8
Pembantu Pemuliharaan	S17	3	1	-
Ahli Fotografi	B17	1	-	-
Juruteknik Kanan	J22	1	-	-
Juruteknik	J17	3	-	-
Juruteknik Komputer	F17	1	-	-
Pembantu Tadbir Kesetiausahaan	N22	1	-	-
Pembantu Tadbir	N17	1	-	-
(Penyelesaian & Operasi)				
Pembantu Penertiban	N17	2	-	-
Pembantu Tadbir Kesetiausahaan	N17	1	-	-
Pembantu Tadbir Rendah Kanan	N11	1	-	-
Pembantu Tadbir Rendah	N11	12	1	-
Pembantu Am Pejabat	N1	10	1	-
Pemandu Kenderaan	R3	1	-	-
JUMLAH		156	25	13

Lantikan Baru Staf Pengurusan dan Profesional

BIL.	Nama	Jawatan / Gred
1	Mohd Zaidi Othman	Pustakawan / S41
2	Norsuheda Shafie	Pustakawan / S41
3	Nurrull Huda Abdul Wahid	Pustakawan / S41

Lantikan Baru Staf Sokongan

BIL.	Nama	Jawatan / Gred
1	Mohd Faisal Che Mat Rashid	Pembantu Perpustakaan / S17
2	Mohamed Asyik Sanusi	
3	Muhammad Atiff Mahussain	
4	Nordin Mohsin	
5	Mohd Idham Sulong	
6	Zul Hilmi Sulaiman	
7	Safura Jema'in	
8	Nor Shaliza Mohd Basarudin	
9	Shaliza Azwa Shaari	
10	Aznurul Ain Abdul Shukor	
11	Sofianie Tendot Selleh	
12	Mohd Zafirul Azra Mohamad Zakaria	
13	Nurul Asyikin Mohd Anuar	
14	Izatul Asma Abdul Rahman	
15	Hairi Aziz	
16	Fahrurrozi Mohd Sa'ban	
17	Mohd Faezan Abdul Jalil	
18	Saharuddin Hassan	
19	Nur Alzat Atiqah Zainul Abidin	
20	Amirah Abdul Rahman	
21	Norfarhana Dewi Md Akim	
22	Mohd Khairulamuar Md Anas	Pembantu Pemuliharaan / S17
23	Nur Atikah Ismail	
24	Faizal Fadzil	
25	Mohd Firdausz Kusnini	Pembantu Am Pejabat / N1
26	Hasbulah Jalil	

Penamatan Staf / Berpindah

Nama	Tarikh Berhenti	Berpindah Ke
Norhatizah Abdul Rahim	31 Disember 2009	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Melaka

Staf Bersara Wajib / Pilihan

BIL.	Nama	Tarikh Bersara
1.	Nazruddin Sharif	31 Disember 2009
2.	Abdul Aziz Othman	31 Disember 2009

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2008



Seramai 14 orang staf PSZ telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang berdasarkan kepada pencapaian perkhidmatan sepanjang tahun 2008. Anugerah telah disampaikan pada Majlis Citra Karisma yang telah berlangsung pada 12 Mei 2009 di Dewan Sultan Iskandar, Universiti Teknologi Malaysia. Penerima anugerah menerima sijil dan wang tunai RM1,000. Anugerah Jasa Bakti juga telah diberikan kepada staf yang telah berkhidmat selama 30 tahun dan Anugerah Jasa Setia bagi staf yang berkhidmat selama 20 tahun.

Anugerah Jasa Bakti

BIL.	Nama	Jawatan / Gred
1.	Norizan Yusus	Pembantu Perpustakaan / S17

Anugerah Jasa Setia

BIL.	Nama	Jawatan / Gred
1.	Mohd Salleh Dollah	Pembantu Perpustakaan / S17
2.	Zainuddin Alnudin	Pembantu Perpustakaan / S17

Penerima Anugerah Kecemerlangan 2008

BIL	Nama	Jawatan / Gred
1.	Haslina Othman	Pustakawan Kanan / S44
2.	Mohd Faud Mohamed Yusof	Pustakawan / S41
3.	Junaidah Abdullah	Pustakawan / S41
4.	Mohd Alias Tahir	Pejawat Eksekutif / N32
5.	Mat Isa Md Sahat	Pembantu Perpustakaan Kanan / S22
6.	Rodzuan Mahdi Yusof	Pembantu Perpustakaan Kanan / S22
7.	Kelianah Anang	Pembantu Perpustakaan / S17
8.	Roziana Kamarudin	Pembantu Perpustakaan / S17
9.	Siti Zaleha Samad	Pembantu Perpustakaan / S17
10.	Syed Jamaluddin Syed Mohamed	Pembantu Perpustakaan / S17
11.	Feridah Yusof	Pembantu Tadbir Rendah Kanan / N14
12.	Jamilah Hashim	Pembantu Tadbir Rendah / N11
13.	Fahrurrozi Mohd Sabri	Pembantu Am Pejabat / N1
14.	Esa Masbah	Pembantu Am Pejabat / N1

Sukan dan Kemasyarakatan

Sekitar bulan Mac dan April 2009, telah berlangsung Sukan Antara Jabatan anjuran Unit Sukan, UTM. PSZ telah menyertai beberapa acara seperti Badminton Berpasukan, Bola Tampar (Lelaki dan Wanita), Bola Jaring dan Futsal Veteran. Pasukan Bola Tampar Wanita telah berjaya hingga ke peringkat suku akhir, manakala pasukan lain tewas di peringkat kumpulan. Selain itu, pada bulan Jun 2009, beberapa staf PSZ telah terpilih untuk mewakili UTM dalam Kejohanan Sukan Staf Universiti Malaysia, di Universiti Malaysia Terengganu. Mereka adalah Dzulhelmi Mohd. Razali (Bolasepak Senior), Norhafizah Hamdan (Bola Jaring), Erwan Saman (Futsal Senior), Hairi Aziz (Hoki) dan Mohd. Yusoff Mat Yaman (Olahraga).



Majlis Rumah Terbuka KKSPSZ

Melalui penubuhan Kelab Keluarga dan Staf PSZ (KKSPSZ), pelbagai aktiviti riadah dan lawatan telah dilaksanakan sepanjang tahun 2009 dalam usaha untuk mengeratkan lagi perhubungan silaturrahim antara staf. Antaranya seperti lawatan ke Pantai Timur yang telah disertai oleh staf dan juga ahli keluarga masing-masing. KKSPSZ turut menganjurkan rombongan bagi memenuhi undangan majlis perkahwinan staf PSZ di luar Johor dan pada masa yang sama turut menyelitkan aktiviti riadah dan membeli-belah di pelbagai lokasi di Kuala Lumpur dan juga Nilai.



Aktiviti gotong-royong tempena Rumah Terbuka KKSPSZ

Bulan Oktober 2009 menyaksikan perayaan Hari Raya Aidilfitri turut disambut meriah oleh warga PSZ melalui penyertaannya dalam sambutan Hari Raya Aidilfitri peringkat Universiti di Dataran Agora, UTM Skudai dan penganjuran Rumah Terbuka Kelab Keluarga dan Staf PSZ (KKSPSZ) di Dewan Jamuan, UTM. Sebagai meneruskan tradisi majlis rumah terbuka, majlis tahun ini menyerlahkan semangat gotong-royong warga PSZ dalam menyediakan dan memasak pelbagai juadah sebagai hidangan di dalam majlis tersebut. Majlis yang dilangsungkan pada malam hari itu turut dimeriahkan dengan acara cabutan bertuah.

Penutup aktiviti KKSPSZ pada tahun 2009 adalah penganjuran Karnival Sukan Antara Jabatan PSZ yang menyaksikan perlawanan Jabatan Perkhidmatan muncul sebagai juara dengan mengatasi Jabatan Pembangunan. Karnival ini berjaya mencapai objektifnya iaitu memupuk semangat perpaduan melalui sukan dengan menyaksikan penglibatan staf dari semua peringkat. Antara acara yang dipertandingkan adalah ping pong, badminton, bola tampar, sepak takraw, futsal dan bola jaring.



Pustakawan bergambar bersama
fasilitator Kursus Bahasa Inggeris pada 25 Mac 2009

Program Latihan Dalamran

Unit Pengurusan Sumber Manusia PSZ berperanan dalam mendedahkan staf kepada pelbagai program latihan bagi membentuk staf yang profesional dan berkualiti melalui peningkatan kemahiran dan pengetahuan yang berfaedah kepada jabatan, Universiti serta pembangunan diri individu itu sendiri. Pada tahun 2009, sebanyak 29 program pembangunan telah dianjurkan bagi tujuan tersebut. Program yang dianjurkan merangkumi latihan dalam tugas-tugas khusus seperti pengkatalogan, pembangunan portal, penyuntingan video dan penyediaan statistik; bengkel penggunaan pangkalan data atau perisian komputer baru; kursus persediaan ke arah penaiktarafan MS ISO 9001:2008 serta program teambuilding untuk staf PSZ dan seminar kepimpinan bagi pustakawan.

Penetapan Penanda Aras melalui Lawatan Kerja

Dalam usaha PSZ untuk meningkatkan lagi taraf perkhidmatan dan kemudahannya, beberapa lawatan kerja telah dijalankan ke beberapa negara. Lawatan ini dijalankan bagi mewujudkan hubungan dua hala selain daripada menjadikan perpustakaan yang dilawati sebagai penanda aras untuk dicontohi oleh PSZ terutama dari aspek polisi pengurusan dan inovasi dalam perkhidmatan perpustakaan.

Lawatan ke luar negara dimulakan dengan kunjungan ke perpustakaan National University of Singapore (NUS) dan Nanyang Technological University (NTU) di Singapura pada Januari 2009. Lawatan ini telah dihadiri oleh kedua-dua Timbalan Ketua Pustakawan, Ketua-ketua Bahagian, Pustakawan Kanan, Penolong Pendaftar, Pegawai Eksekutif dan beberapa orang Ahli Jawatankuasa Tetap Senat mengenai Perpustakaan. Lawatan sehari ini memberi fokus kepada operasi perpustakaan, kemudahan IT dan koleksi serta pembangunan infrastruktur.

Pada 14 hingga 17 November pula, Ketua Pustakawan, Puan Kamariah Nor Mohd Desa bersama Ketua Bahagian PSZKL, Cik Haslina Othman telah mengunjungi Hong Kong bagi mengikuti IATUL eScience Seminar yang merupakan anjuran bersama Polytechnic University of Hong Kong Library dan Nanyang Technological University Singapura. Seminar yang dianjurkan ini bertindak sebagai platform bagi para pustakawan akademik dari Asia Tenggara membincangkan permasalahan dan keperluan dalam mewujudkan perpustakaan berlandaskan sains dan teknologi. Selain itu, peserta seminar turut dibawa melawati beberapa perpustakaan di sekitar Hong Kong dan China seperti perpustakaan awam di Shenzhen, Shenzhen University, Hong Kong Polytechnic University dan Hong Kong University of Science and Technology.



Cik Haslina Othman dan Puan Kamariah Nor Mohd. Desa bersama peserta eScience Seminar



Bergambar kumpulan bersama-sama peserta
lawatan di University Town Library, Shenzhen.



En. Anuar Talib mendengar penerangan berkenaan isu-isu di sekitar sebuah perpustakaan di Hong Kong



Bergambar bersama-sama Ketua Pustakawan, Curtin University of Technology Sarawak

Perkembangan teknologi perpustakaan adalah agenda utama dalam setiap lawatan kerja ke luar negara, seperti lawatan yang disertai oleh Timbalan Ketua Pustakawan (Perancangan dan Pembangunan), En. Anuar Talib dan Pustakawan Bahagian Pembangunan Automasi, En. Md. Razib Karno pada 30 November hingga 4 Disember 2009 ke universiti terkemuka sekitar Hong Kong dan Korea Selatan. Antara universiti yang dilawati adalah Seoul National University, Hong Kong Science and Technology University, The Chinese University of Hong Kong dan Hong Kong University.

Selain daripada lawatan ke luar negara, PSZ turut menganjurkan beberapa lawatan ke institut pengajian awam dan juga swasta di Malaysia, khususnya Sabah dan Sarawak. Pada 21 hingga 25 Jun 2009, empat orang pustakawan telah mengadakan lawatan ke Universiti Malaysia Sabah, Universiti Malaysia Sarawak, Curtin University of Technology dan Pustaka Miri. Lawatan ini diketuai oleh Ketua Bahagian Pembangunan Automasi Puan Norasikin Mohamed, dan disertai oleh Pustakawan Bahagian Perkhidmatan Maklumat iaitu Puan Zafarina Dol, Puan Muzaimah Mohd. Yunus dan Puan Syahranah Ahmad Raqi.

Seterusnya, PSZ International Campus Kuala Lumpur telah menganjurkan lawatan ke Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) pada 9 Disember 2009. Lawatan ini disertai oleh 20 orang staf dan pegawai, dan diketuai oleh Ketua Bahagian PSZ KL, Cik Haslina Othman. Rombongan PSZ telah dibawa melawati stesen radio BERNAMA Radio 24, studio BERNAMA TV dan pusat sumbernya iaitu BERNAMA Information Centre and Library (Infolib).



Gambar di kiri >>
Antara peserta lawatan dari PSZ International Campus,
Kuala Lumpur ke BERNAMA



Bersama Pustakawan Universiti Malaysia Sabah



Di Studio BERNAMA TV




A stack of books is visible in the background, and an open book is shown in the foreground. Two dried red leaves are resting on the open book's pages. The background has a warm, orange-yellow glow.

Pembangunan Koleksi PSZ

PEMBANGUNAN KOLEKSI

Penerimaan Buku dan Monograf

Secara keseluruhan, jumlah penerimaan bahan bagi tahun 2009 adalah sebanyak 12,681 judul (14,731 naskhah) berbanding 15,140 judul (17,571 naskhah) pada tahun 2008.



Pembelian Bahan Perpustakaan

Peruntukan pembelian bahan perpustakaan bagi monograf, bahan pandang dengar, peta dan fotograf udara pada tahun 2009 menurun sebanyak 2.4% iaitu daripada RM4,608,500 pada tahun 2008 kepada RM4,500,000. Peruntukan yang diberikan pada tahun 2009 tidak dapat menampung keperluan fakulti dalam perolehan judul serta pertambahan bilangan naskhah bagi judul bahan yang dipesan. Tambahan pula faktor kenaikan kadar tukaran mata wang turut mempengaruhi proses pembelian bahan. Walau bagaimanapun, terdapat peningkatan sebanyak 0.8% bagi peruntukan pembelian jurnal dan media elektronik iaitu daripada RM11,400,400 (2008) kepada RM11,500,000 (2009). Peningkatan ini sejajar dengan kecenderungan dan kesedaran pengguna memanfaatkan sumber-sumber dalam bentuk atas talian terutamanya dalam mendapatkan jurnal dan pangkalan data.

Jurnal dan Pangkalan Data

Tahun 2009 menunjukkan peningkatan sebanyak 11.3% dalam koleksi jurnal dan pangkalan data di PSZ jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya. Peningkatan ini sejajar dengan pertambahan peruntukan dalam perolehan jurnal dan media elektronik. Selain itu, ini juga membuktikan PSZ sentiasa berusaha menyediakan kemudahan dan akses dalam menyokong aktiviti penyelidikan dan pembelajaran serta memenuhi aspirasi Universiti untuk menuju ke arah Universiti Penyelidikan.

BIL.	Perkara	Jumlah 2008 (Judul)	Jumlah 2009 (Judul)
1.	Langganan/ keahlian (aktif)	306	342
2.	Jurnal elektronik (CD)	1,796	1,796
3.	Jurnal elektronik (atas talian)	58,171	207,013
4.	Buku elektronik (atas talian)	7,101	29,332
5.	Tesis elektronik (atas talian)	1,721,235	1,752,737
JUMLAH		1,788,609	1,991,220

Perbandingan jumlah judul jurnal dan pangkalan data PSZ

BIL.	Perkara	Jumlah 2008 (Judul)	Jumlah 2009 (Judul)
1.	Cakera Padat	13	26
2.	Atas Talian	51	136
JUMLAH		64	152

Melalui peningkatan dalam jumlah langganan pangkalan data atas talian, wujud peningkatan yang amat ketara pada jumlah koleksi jurnal dan buku elektronik atas talian. Angka terkini jurnal elektronik atas talian adalah 207,013 judul, iaitu peningkatan sebanyak 255% berbanding tahun 2008. Jumlah buku elektronik juga turut bertambah sebanyak 313%, iaitu 29,332 judul berbanding 7,101 judul pada tahun sebelumnya. Peningkatan dalam jumlah langganan pangkalan data atas talian merangkumi langganan baru, tambahan kepada langganan sedia ada dan juga penukaran format pangkalan data daripada CD-ROM ke format atas talian.

Senarai pangkalan data tambahan 2009

Kategori	Judul Pangkalan Data
E-Books	Books 24x7 ScienceDirect E-books Springer E-books 2008-2010 Referex
E-journals	Annual Reviews JSTOR MathSciNet ScienceDirect Journal Backfiles SPORTDiscus Springer Online Journal Archive Zentralblatt Math Royal Society of Chemistry
Research Analysis	Gartner
Plawai	SAE Digital Library Standards
Arkib	Berita Bernama Library & InfoLink Service (BLIS)



Koleksi Khas UTM

Jumlah keseluruhan penerimaan Koleksi Khas pada tahun 2009 adalah sebanyak 4.156 judul berbanding 5.672 judul pada tahun 2008. Penurunan sebanyak 26.7% adalah disebabkan oleh penerimaan kertas Projek Sarjana Muda yang menurun sebanyak 71.3%.

Perbandingan koleksi khas PSZ bagi tahun 2008 dan 2009

Jenis Bahan	Tahun 2008		Tahun 2009	
	Judul	Naskhah /Keping	Judul	Naskhah /Keping
Koleksi Khas Am	524	688	489	750
Tesis Sarjana Muda	2,558	2,558	734	734
Tesis Sarjana	276	276	879	879
Tesis PhD	25	25	99	99
Radas	2,289	2,289	1,955	1,981
JUMLAH	5,672	5,836	4,156	4,443

Hadiah dan Pertukaran

Pembangunan koleksi PSZ turut melibatkan proses mendapatkan bahan-bahan yang sesuai secara hadiah dari universiti awam dan swasta, agensi kerajaan dan swasta serta individu perseorangan. Tahun 2009 menunjukkan penurunan dalam penerimaan koleksi hadiah dan pertukaran iaitu 989 berbanding 2,047 pada tahun sebelumnya. Penurunan sebanyak 51.6% ini adalah disebabkan oleh kurangnya koleksi diterima terutama sekali dalam bentuk buku, majalah/terbitan bersiri dan kertas peperiksaan.

Jumlah hadiah dan pertukaran bagi tahun 2008 dan 2009

Bil.	Bahan	Tahun 2008	Tahun 2009
1.	Buku	438	289
2.	Majalah/Terbitan Bersiri	1486	474
3.	Kertas Peperiksaan	56	54
4.	Terbitan UTM	67	112
5.	Bahan Audio Visual	-	60
JUMLAH KESELURUHAN		2047	989



Dokumen Digital

PSZ turut membangun dan menguruskan dokumen dalam bentuk digital bagi menyokong tujuan pembelajaran, pengajaran, penyelidikan dan perundingan dalam perkhidmatan perpustakaan. Antara bahan yang terlibat dalam aktiviti pengimbasan untuk koleksi digital adalah kertas soalan peperiksaan UTM, tesis pasca ijazah dan yang terbaru artikel jurnal UTM. Sebanyak 2,524 judul bahan telah diimbas pada tahun 2009, berbanding 1,337 pada tahun sebelumnya.

Sehingga 2009, jumlah rekod dalam Sistem Pengurusan Dokumen Digital adalah 8,109, iaitu peningkatan sebanyak 16.4% berbanding tahun sebelumnya. Antara bahan-bahan dokumen digital adalah keratan akhbar, kertas soalan peperiksaan UTM, tesis, kertas Projek Sarjana Muda (PSM) dan bahan galerium. Peningkatan bagi jumlah rekod ini adalah disebabkan oleh peningkatan jumlah bahan diterima dalam bentuk *softcopy*, terutama kertas PSM dan tesis. Selain itu, PSZ juga telah menerima 2 buah pengimbas berskala besar yang telah membantu dalam meningkatkan lagi produktiviti.

Jumlah pengimbasan bahan bagi tahun 2008 dan 2009

Bahan	Tahun 2008		Tahun 2009	
	Judul	Halaman	Judul	Halaman
Kertas Soalan Peperiksaan UTM	814	6,581	1,974	15,825
Tesis-Pasca Ijazah	523	58,567	68	11,637
Artikel Jurnal UTM	-	-	482	6,109
JUMLAH	1,337	92,148	2,524	33,611

Perbandingan jumlah rekod dalam Sistem Pengurusan Dokumen Digital mengikut tahun

Bahan	Tahun 2008	Tahun 2009
Keratan akhbar	5973	5471
Kertas soalan peperiksaan UTM	566	297
Tesis	426	273
Kertas projek sarjana muda (PSM)	-	2064
Bahan Galerium	-	4



Pengkatalogan Bahan

Jumlah keseluruhan bahan yang telah dikatalog pada tahun 2009 adalah 14,896 judul (16,660 naskhah). Jumlah ini meliputi bahan-bahan untuk koleksi UTM Skudai, UTM International Campus Kuala Lumpur, PESISIR dan juga koleksi Perpustakaan Fakulti Alam Bina. Jumlah bahan yang dikatalog ini menunjukkan penurunan sebanyak 30% jika dibandingkan dengan jumlah bahan yang dikatalog pada tahun 2008 iaitu sebanyak 21,574 judul (25,209 naskhah).

Perbandingan jumlah bahan dikatalog bagi tahun 2008 dan 2009

Jumlah Bahan Dikatalog	2008	2009	Peratus
Judul	21,574	14,896	-30%
Naskhah	25,209	16,660	-33%

Perbandingan jumlah bahan dikatalog mengikut kategori bahan

Kategori Bahan	Judul	Naskhah
Buku	12,220	13,600
Cakera Padat	1,536	1,794
Tesis	922	922
Mikrofilem	48	48
Laporan Penyelidikan	68	180
Lain-lain	102	116
JUMLAH	14,896	16,660



A photograph showing a close-up of a person's hands clasped together over a black laptop keyboard resting on a light-colored wooden desk. In the background, a white cylindrical object, possibly a pen or a pencil, lies on the desk. The lighting is warm and focused on the hands and the laptop.

Perkhidmatan PSZ

PERKHIDMATAN

Penggunaan Perpustakaan

Pada tahun 2009, jumlah pengguna perpustakaan telah mencecah angka satu juta iaitu 1,083,677 iaitu peningkatan sebanyak 13.5% jika dibandingkan dengan tahun 2008 iaitu sebanyak 954,619 pengguna sahaja. Peningkatan yang ketara ini memberi petunjuk kepada peningkatan kemudahan di perpustakaan seperti persekitaran yang kondusif, pertambahan koleksi buku baru, kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi serta peningkatan promosi perpustakaan dan layanan mesra pengguna.

Peminjaman Bahan

Secara keseluruhan, peminjaman bahan bagi tahun 2009 adalah berjumlah 387,804 iaitu peningkatan sebanyak 1.23% dibandingkan dengan jumlah pinjaman pada tahun 2008 yang berjumlah 383,101. Peningkatan peminjaman ini adalah berkait rapat dengan pinjaman Perpustakaan Fakulti yang mula beroperasi pada Januari 2009 serta melalui kaunter peminjaman yang dibuka di setiap perhimpunan bulanan Naib Canselor. Walau bagaimanapun, terdapat penurunan bagi peminjaman melalui Sistem Peminjaman Layan Diri (SPLD) pada tahun 2009 iaitu berjumlah 155,373 berbanding 164,561 pada tahun 2008, iaitu penurunan sebanyak 5.6%.

Peminjaman dan Penggunaan Bahan Mengikut Kategori Ahli


Pelajar Ijazah Sarjana Muda Perdana masih merupakan kategori ahli yang paling banyak meminjam iaitu berjumlah 215,200 pada tahun 2009. Walau bagaimanapun, terdapat penurunan sebanyak 11.54% jika dibandingkan dengan tahun 2008 iaitu sebanyak 243,265. Ini diikuti dengan pinjaman oleh Pelajar Sarjana berjumlah 61,157 iaitu peningkatan ketara sebanyak 22.1% pada tahun 2009 dibandingkan dengan 50,096 pinjaman pada tahun 2008. Peminjaman bagi Pelajar Doktor Falsafah juga menunjukkan peningkatan yang tinggi iaitu 30.7% atau 16,916 pinjaman berbanding dengan 12,940 pada tahun 2008, diikuti dengan Staf Akademik iaitu 11,290 peminjaman, iaitu penurunan sebanyak 11.4% berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan peminjaman bahan bagi kategori Pelajar Sarjana dan Doktor Falsafah boleh dikaitkan dengan inisiatif PSZ menambah kelayakan peminjaman buku bagi kedua-dua kategori tersebut daripada 15 naskhah kepada 20 naskhah buku sebulan.



Persekitaran yang kondusif di PSZ membantu pengguna dalam pembelajaran.

Peminjaman dan penggunaan bahan mengikut kategori ahli

Kategori Ahli	2008	2009	% Perbezaan
Staf Tingkatan Kanan	420	316	-24.8
Staf Akademik	12,749	11,290	-11.4
Tutor	1,140	1,279	+12.2
Staf Am	4,710	4,300	-8.7
Pelajar Diploma	9	9	0
Pelajar Diploma Lanjutan	2,548	854	-6.5
Pelajar Sarjana Muda	243,265	215,200	-11.5
Pelajar Sarjana Sijil/Diploma	50,096	61,157	+22.1
Pelajar Doktor Falsafah	12,940	16,916	+30.7
Pelajar PJJ	378	782	+101.6
Pelajar PJJ Sarjana Muda	3,828	2,998	-21.7
Pelajar PJJ Sarjana/PhD	471	284	-38.7
Peserta Kursus	77	65	-15.6
Pembantu Pegawai Pengalidik	599	34	-94
Pegawai Penyelidik	814	474	-41.8
Ahli Keluarga UTM	158	127	-19.7
Lain-lain kategori	3,464	12,732	+70.8
JUMLAH	337,666	327,797	-2.9



Peminjaman dan Penggunaan Bahan Mengikut Kategori Bahan

Pada tahun 2009, pinjaman buku Layanan Terbuka mencatatkan penurunan sebanyak 3.2% berbanding tahun sebelumnya. Penurunan turut dicatatkan bagi peminjaman jurnal jilid dan kini iaitu sebanyak 20.3%. Penurunan bagi kedua-dua bahan ini menggambarkan pertambahan koleksi e-book dan jurnal digital dalam pangkalan data atas talian yang dilanggan PSZ dan lebih mudah dirujuk serta dimanfaatkan oleh pengguna.

Jumlah pinjaman mengikut kategori bahan

Katalog Bahan	2008	2009	% Perbezaan
Koleksi Advanced Management	183	293	+60.1
Bilik Bantuan Pengelidikan	3	0	-
Interlibrary Loan	104	121	+16.3
Jurnal	2,015	1,605	-20.3
Koleksi Khas	1,061	677	-36.2
Koleksi Khas - Tesis	6,210	6,534	+5.2
Kaunter Media	1,871	1,409	-24.7
Koleksi Kreatif	19,938	21,459	+7.6
Kaunter Sirkulasi	3,693	2,995	-19.9
Buku Layanan Terbuka	301,756	292,058	-3.2
Lukisan Teknik	0	1	-
Koleksi Peta	159	195	+22.5
Rujukan	493	328	-33.5
Lain-lain	180	122	-32.2

Keahlian Luar PSZ

Jumlah keahlian luar yang berdaftar di PSZ pada tahun 2009 adalah seramai 45 orang, penurunan sebanyak 25% berbanding 60 orang pada tahun 2008. Daripada jumlah tersebut, 22 adalah ahli merujuk manakala 23 adalah ahli meminjam.

Interlibrary Loan

Permohonan *Interlibrary Loan* (ILL) kepada Institusi Luar pada tahun 2009 adalah sebanyak 437 permohonan. Jumlah ini menunjukkan kenaikan sebanyak 48% berbanding 296 permohonan pada tahun 2008. Permohonan buku dihantar ke perpustakaan di Malaysia manakala permohonan bagi artikel jurnal kebanyakannya dihantar ke British Library Document Supply Centre (BLDSC).

Permohonan ILL dari Institusi Luar kepada UTM menunjukkan penurunan sebanyak 26% iaitu 684 permohonan pada tahun 2008 kepada 508 permohonan pada tahun 2009.

Pada tahun 2009, didapati Pelajar Pasca Ijazah paling ramai membuat permohonan ILL iaitu 287 permohonan diikuti dengan pensyarah sebanyak 69 permohonan. Terdapat peningkatan yang sangat ketara dalam permohonan ILL Pelajar Pasca Ijazah iaitu daripada 44% (daripada jumlah keseluruhan ILL) kepada 72.84%.

Permohonan ILL herdasarkan kategori pengguna

Tahun 2009					
Kategori Pemohon	BLDSC	Buku	Artikel	Jumlah	Peratus
Pensyarah	24	38	7	69	17.51%
Pasca Ijazah	112	122	53	287	72.84%
Pelajar	1	13	4	18	4.57%
Staf	9	6	5	20	5.08%
JUMLAH	146	179	69	394	100%

Tahun 2008					
Kategori Pemohon	BLDSC	Buku	Artikel	Jumlah	Peratus
Pensyarah	24	38	7	69	17.51%
Pasca Ijazah	112	122	53	287	72.84%
Pelajar	1	13	4	18	4.57%
Staf	9	6	5	20	5.08%
JUMLAH	146	179	69	394	100%

Khidmat Runding Rujuk di Meja Penasihat Pengguna (MPP)

Sejumlah 7,152 pertanyaan rujukan diterima pada tahun 2009 berbanding 7,684 yang diterima pada tahun 2008. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 7%. Perkembangan ini boleh dilihat secara positif di mana pengguna perpustakaan adalah lebih peka terhadap perkhidmatan yang disediakan. Malah boleh disimpulkan bahawa pengguna lebih berdikari dalam mendapatkan maklumat melalui Portal PSZ, buletin serta kelas-kelas kemahiran perpustakaan.

Bagi permohonan rujukan pula, sebanyak 1,138 permohonan rujukan telah berjaya diproses bagi tahun 2009 berbanding 1,049 bagi tahun 2008, iaitu peningkatan sebanyak 8.5%.

Perincian perkhidmatan runding rujuk di MPP

Perkhidmatan	2008	2009	% Perbezaan
Pertanyaan Rujukan di MPP	7,684	7,152	-7%
Pinjaman Bahan Rujukan (dalam PSZ)	369	174	-53%
Permohonan Rujukan Pengguna PSZ ke Perpustakaan Luar	89	50	-35%
Permohonan Rujukan (melalui borang) di MPP	1,971	2,081	+6%
Maklumbalas Perkhidmatan Perpustakaan (Borang PSZ 72.1)	46	45	-2%
Maklumbalas Perkhidmatan Perpustakaan melalui Emel bagi Kategori Aduan, Penghargaan dan Cadangan	6	30	+400%
Pertanyaan Rujukan Emel bagi Kategori Umum	362	672	+86%

Maklumbalas Perkhidmatan Perpustakaan

Penerimaan maklumbalas bagi perkhidmatan perpustakaan menunjukkan penurunan sebanyak 2% iaitu 45 borang maklumbalas diterima dalam tahun 2009 berbanding 46 bagi tahun 2008. Secara keseluruhan jumlah aduan, cadangan dan penghargaan yang diterima melalui borang maklumbalas pada 2009 adalah 53 berbanding 59 pada tahun 2008.



Maklumbalas Perkhidmatan Perpustakaan Melalui E-mel dan Modul Online Reference Desk bagi Aduan, Penghargaan dan Cadangan

Sebanyak 30 e-mel diterima pada tahun 2009 berbanding enam e-mel yang diterima pada 2008. Bagi tahun ini, terdapat kategori perkhidmatan dan kemudahan kesemua e-mel yang diterima adalah berkenaan perkhidmatan dan kemudahan. Daripada kesemua e-mel itu, 21 yang diterima adalah penghargaan kepada PSZ, diikuti 9 aduan dan empat cadangan.

Pertanyaan Rujukan Elektronik Melalui E-mel bagi Kategori Umum

Perkhidmatan rujukan elektronik melalui e-mel menunjukkan peningkatan iaitu 672 pertanyaan diterima bagi tahun 2009 berbanding 362 bagi tahun 2008. Sebanyak 86% daripada pertanyaan yang diterima adalah berkisar pada perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh PSZ seperti bantuan mendapatkan artikel teks penuh, kemaskini rekod pengguna, pembaharuan peminjaman buku dan lain-lain lagi.

Pertanyaan rujukan elektronik melalui emel bagi kategori umum

Persoalan	2008	2009	% Perbezaan
Perkhidmatan & kemudahan	345	578	+67.5
Koleksi	16	18	+12.5
Staf	0	0	0
Lain-lain	1	76	+7500
JUMLAH	362	672	+86.6



Kemahiran Pencarian Maklumat diterapkan melalui pengajaran dan pembelajaran secara 'hands-on'.

Rujukan oleh Pengguna Luar

PSZ menerima 165 permohonan luar untuk membuat rujukan ke PSZ bagi tahun 2009, iaitu penurunan sebanyak 34% berbanding 250 permohonan yang diterima bagi tahun 2008.

Peminjaman dan penggunaan bahan mengikut kategori ahli

Kategori	2008	2009	% Perbezaan
IPTA/Maktab/Institutasi Perguruan/Politeknik	117	93	-21
IPTS	43	23	-47
Pelajar peringkat sekolah	11	0	-100
Jabatan/Agenzia Kerajaan	36	27	-25
Agensi Swasta	35	22	-37
Lain-lain	8	0	-100
JUMLAH	250	165	-34

Kemahiran Pencarian Maklumat melalui Kelas Kemahiran Perpustakaan

Secara keseluruhannya, sepanjang tahun 2009, sebanyak 196 Kelas Kemahiran Pencarian Maklumat telah dikendalikan iaitu bersamaan dengan tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, jumlah kehadiran pelajar pada 2009 mencatatkan peningkatan sebanyak 4% iaitu 4,955 orang pelajar Sarjana Ijazah Muda berbanding 4,788 orang pelajar pada tahun 2008. Perincian bagi setiap kategori kelas adalah seperti dalam jadual.

Perbandingan statistik kelas kemahiran perpustakaan bagi tahun 2008 dan 2009

Kategori Kelas	2008		2009	
	Kelas	Hadir	Kelas	Hadir
Kelas Kemahiran Asas	117	3,595	101	3,068
Kelas Kemahiran Lanjutan	71	1,005	89	1,742
UQP1211: Kemahiran Pencarian Maklumat	8	188	6	145
JUMLAH	196	4,788	196	5,649

Kelas Kemahiran Perpustakaan Asas adalah terdiri daripada UHB1412: English for Academic Communication yang dilaksanakan melalui kerjasama dengan pihak Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia (FPPSM), dan Program Kemahiran Pencarian Maklumat Pelajar Baru SPACE, iaitu kerjasama dengan SPACE. Sepanjang tahun 2009, sebanyak 101 kelas dikendalikan, iaitu penurunan sebanyak 14% jika dibandingkan dengan tahun 2008 iaitu 117 kelas. Jumlah kehadiran juga menurun kepada 3,068 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda, berbanding 3,595 orang pelajar. Faktor penurunan ini adalah berkait rapat dengan jumlah pengambilan pelajar oleh UTM bagi setiap semester.

Kelas Kemahiran Perpustakaan Lanjutan pula melibatkan pelajar Ijazah Sarjana Muda yang akan memulakan Projek Sarjana Muda (PSM) mereka. Sepanjang tahun 2009, terdapat peningkatan sebanyak 25% terhadap jumlah kelas dikendalikan dengan kehadiran turut meningkat sebanyak 73% berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan ini merupakan petunjuk positif kepada aktiviti-aktiviti promosi yang giat dilakukan melalui pengedaran surat kepada penyelaras PSM di setiap fakulti di samping permintaan secara individu oleh staf akademik dan pelajar melalui emel, telefon dan medium lain. Ini turut menunjukkan peningkatan tahap kesedaran staf akademik dan pelajar terhadap kelas-kelas kemahiran yang dilaksanakan oleh PSZ dalam meningkatkan mutu pembelajaran dan penyelidikan.

Matapelajaran Kokurikulum

Enam seksyen telah ditawarkan pada tahun 2009 dengan kehadiran seramai 145 orang pelajar, berbanding lapan seksyen dengan kehadiran 188 orang pelajar pada tahun sebelumnya. Kelas ini diadakan dengan kerjasama Pusat Kokurikulum dan hanya melibatkan pelajar Ijazah Sarjana Muda. Semua peserta kokurikulum ini telah mengikuti lawatan sambil belajar ke Perbadanan Perpustakaan Awam Johor pada 4 dan 11 Mac 2009.

Bengkel, Latihan dan Taklimat Pelajar

Bengkel, latihan dan taklimat kepada pelajar bertujuan mempromosi secara intensif serta memberi kemahiran kepada penyelidik dalam pencarian maklumat menggunakan pangkalan data. PSZ menetapkan sasaran 80% tahap kepuasan bagi peserta yang mengikuti bengkel ini. Bengkel yang terlibat adalah Bengkel Metodologi Penyelidikan (ULP0010) dan Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB), Bengkel Endnote, Taklimat Pelajar Pasca Ijazah dan PESISIR, Bengkel Pangkalan Data Atas Talian, Demo Pangkalan Data Terpilih serta Bengkel Penulisan Tesis Kedoktoran. Pada tahun 2009, terdapat peningkatan pada jumlah bengkel yang dijalankan iaitu 52 buah, berbanding 45 buah pada tahun 2008, manakala jumlah penglibatan peserta adalah 4,417 (2009) dan 2,617 (2008). Peningkatan yang memberangsangkan ini menunjukkan PSZ sentiasa berusaha meningkatkan lagi kemudahan dalam menyokong dan memenuhi keperluan pembelajaran para pelajar serta penyelidik.



Seorang staf PSZ mengiringi rombongan dari sekolah menengah melawat PSZ


Lawatan

PSZ telah menerima kunjungan daripada pelbagai organisasi dan sekolah dari dalam dan luar Johor Bahru termasuk institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara sepanjang tahun 2009.



Bersama rombongan Ketua Pustakawan UNIMAS

Jumlah perbandingan pelawat ke PSZ mengikut kategori pada tahun 2009 & 2008



Ketua Pustakawan bersama-sama pelawat dari Universiti Malaysia Kelantan



Penerangan mengenai kemudahan PSZ turut diberikan kepada Profesor pelawat.



Pengunjung pameran yang turut serta dalam ujian saringan kandungan gula dalam darah.

Kempen Berhenti Merokok & Diabetes

Program ini telah berlangsung selama seminggu mulai 5 hingga 11 Februari 2009 hasil usahasama CUEPACS Negeri Johor dan Persatuan Diabetes Johor. Sempena program ini, beberapa aktiviti telah dijalankan iaitu Pameran Merokok & Diabetes bermula 5 hingga 11 Februari 2009 bertempat di Lobi Pameran PSZ. Pameran telah mengetengahkan poster kempen anti merokok, diabetes serta amalan pemakanan sihat.

Ujian saringan kandungan gula dalam darah turut diadakan pada 11 Februari 2009 bertempat di Foyer PSZ. Ujian ini turut menyediakan perkhidmatan konsultasi rawatan susulan oleh Persatuan Diabetes Johor. Pada hari yang sama, ceramah Berhenti Merokok telah disampaikan oleh Dr. Hjh. Zuraizah Mokhtar, Pegawai Kesihatan, Pejabat Kesihatan Kulai Besar di Bilik Seminar 3, PSZ dengan kehadiran penonton yang terdiri daripada pelajar dan staf UTM.

Dialog Arkib Negara & Penyelidik/Pelajar IPTA

Program berlangsung di Dewan Senat, UTM pada 25 Februari 2009 telah dihadiri hampir 250 orang terdiri daripada staf UTM dan pelajar UTM, UITM Segamat dan Politeknik Johor Bahru. Panel terdiri daripada Pengarah Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor, Encik Ismail Md. Yusof dan Penolong Pengarah II, Encik Norazam Zainal. Sesi dialog ini bertujuan memberi pendedahan berhubung peranan Arkib Negara sebagai sebuah institusi penyedia pelbagai dokumen dan maklumat premier yang dapat memenuhi keperluan pelajar dan penyelidik. Bersempena program ini pameran koleksi bahan terbitan arkib turut diadakan di Lobi PSZ.

PROMOSI



Sesi Dialog Arkib Negara bersama IPTA/IPTS

Persembahan Teater: Snow White - The Untold Tale

PSZ terlibat secara tidak langsung dengan persembahan teater anjuran bersama Persatuan Seni & Drama (PERSEDA) dan pelajar TESL Tahun 4 yang telah diadakan pada 1 Ogos 2009. PSZ sangat positif menyokong usaha penganjuran aktiviti terutamanya dari kalangan pelajar bertujuan memberi peluang dan pendedahan untuk mereka merancang dan melaksanakan sesuatu program. Di samping itu, penggunaan Bahasa Inggeris melalui persembahan teater ini diharap dapat menggalakkan lagi penggunaan bahasa tersebut sebagai bahasa komunikasi dan juga dalam pembelajaran.



Berihin pelajar yang menyajikan teater Snow White - The Untold Tale

Sesi Bertemu Pelanggan ke Fakulti

PSZ telah mengadakan program bertemu pelanggan ke fakulti bertujuan untuk mempromosikan dan memberikan tunjuk ajar penggunaan pangkalan data terutamanya berkaitan *Publications and Citations* dan *High Impact Journals*. Sepanjang tahun 2009, sebanyak tiga buah fakulti di UTM telah dilawati iaitu Jabatan Matematik, Fakulti Sains pada 18 Februari 2009, CRES, Fakulti Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi pada 8 Julai 2009 dan Fakulti Kejuruteraan Elektrik pada 19-20 November 2009.

Warga fakulti telah memberikan maklumbalas yang sangat menggalakkan terhadap program yang dilaksanakan. PSZ turut menggunakan peluang ini untuk mendapatkan input dan cadangan bagi meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan kepada pengguna.



Pameran Persada Warisan Seni



Sesi Cat Air: Apresiasi Seni & Alam



Pelajar-pelajar didedahkan kepada perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan di PSZ.


Penerbitan

PSZ telah menerbitkan beberapa penerbitan bercetak dan elektronik untuk mempromosi kemudahan dan perkhidmatan perpustakaan kepada para pelanggannya sepanjang tahun 2009. Antara promosi yang telah dibuat adalah melalui Buletin Perpustakaan, Buku Panduan, Laporan Tahunan, brosur dan risalah yang berkaitan dengan kemudahan, perkhidmatan dan aktiviti perpustakaan. PSZ turut terlibat dalam penulisan di *Skudai Post*, *UTM Online* dan Manual Panduan Staf Baru UTM. PSZ juga turut menerbitkan maklumat bagi rujukan para pelanggan PSZ menerusi *electronic board* yang terdiri daripada maklumat am, program terkini dan makluman semasa berkaitan penutupan, perkhidmatan dan sebagainya.

Pameran

Sebanyak tujuh sesi pameran telah diadakan di Lobi serta Foyer PSZ sepanjang tahun 2009 seperti mana berikut:

Tarikh	Judul	Penganjur
5-11 Februari	Merokok & diabetes	PSZ, CUEPACS & Persatuan Diabetes Johor
16-22 Februari	War Poems	Pelajar TESL Tahun 4, Fakulti Pendidikan
26 Februari - 6 Mac	Koleksi dan Bahan Terbitan Arkib Negara	PSZ & Arkib Negeri Johor
16 Mac - 16 Mei	Seni Cat Air: Apresiasi Seni & Alam	PSZ, Galeri Seni Johor Art Society dan Persatuan Seni Lukis & Rekaaya Johor (ISERUPAJ)
28-29 Mac 2009	Pameran Persada Warisan Seni	PSZ & Yagasan Warisan Johor
19-21 Oktober	Pameran Alam Sekitar	Pelajar Kimia Alam Sekitar, Fakulti Sains
19 Nov 2009 - 19 Jan 2010	Pameran Projek Tahun Akhir	Pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains (Rekabentuk Industri) FKM



Koleksi di Perpustakaan Fakulti meliputi buku rujukan, literatur penyelidikan dan juga tesis.

Berkuatkuasa 5 Januari 2009, PSZ sebagai perpustakaan induk telah mengambil inisiatif untuk mengambilalih pengurusan Pusat Sumber Fakulti yang kini dikenali sebagai Perpustakaan Fakulti (PF) sebagai perpustakaan cawangannya. Setelah setahun beroperasi, kebanyakan PF ini mengalami perubahan terutama dari aspek pengurusan bahan dan perkhidmatan yang lebih konsisten.

Perpustakaan Fakulti tersebut adalah di Fakulti Kejuruteraan Awam (FKA), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Sumber Asli (FKKKSA), Fakulti Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi (FKSG), Fakulti Sains (FS), Fakulti Pendidikan (FP), Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat (FSKSM), Research Management Centre (RMC) dan Sekolah Pengajian Siswazah (SPS) serta Perpustakaan Fakulti Alam Bina (FAB) yang telah diambil alih semenjak tahun 2006.

Statistik peminjaman bahan perpustakaan fakulti untuk tahun 2009



PEMBANGUNAN PERPUSTAKAAN FAKULTI

Perkembangan Penstrukturkan Semula Perpustakaan Fakulti (PF)

Semua PF telah membuka perkhidmatannya kepada pengguna mengikut jadual ditetapkan. Perkhidmatan ini meliputi khidmat runding rujuk, pencarian di sistem INFOLAN2, penggunaan pangkalan data, rujukan bahan, peminjaman dan pemulangan bahan.

Sepanjang tahun 2009, jumlah peminjaman di semua PF adalah sebanyak 16,069 naskhah manakala jumlah pengguna adalah seramai 37,452 orang. Dapat dilihat, prestasi peminjaman adalah bergantung kepada musim pengajian dan cuti semester di sesebuah fakulti.

Dari aspek kemudahan dan infrastruktur IT, semua PF telah dibekalkan dengan kemudahan komputer sebagai stesen kerja selain beberapa PF yang turut dibekalkan komputer untuk kegunaan pengunjung. Usaha bersungguh-sungguh dari staf terlibat serta perhatian semua pihak sama ada PSZ mahupun fakulti amat diperlukan bagi memastikan perkhidmatan PF berada di tahap maksima dan berfungsi sepertimana yang diharapkan.



Statistik pengunjung perpustakaan fakulti bagi tahun 2009



Pusat Sumber Chemical Engineering Pilot Plant (CEPP)

Statistik pengguna dan peminjaman bahan bagi Pusat Sumber CEPP

Kategori	2008	2009	Peratus (%)
Jumlah Pengguna	5,349	6,319	+18%
Jumlah Peminjaman	243	135	-44%

Peminjaman dan pemulangan bahan di Pusat Sumber CEPP telah dibuat menggunakan Modul Sirkulasi (sistem ADVANCE). Peminjaman hanya dibenarkan untuk staf dan pelajar Pasca Ijazah CEPP, serta pensyarah untuk tempoh yang singkat dan mengikut keperluan sahaja.

Kategori pengguna yang mengunjungi dan menggunakan Pusat Sumber CEPP meliputi pelajar pasca Ijazah, Pegawai dan Pembantu Penyelidik serta pelajar praktikal dari IPTA/IPTS. Selain itu, terdapat juga pelajar perdana dari pelbagai fakulti, peserta kursus, pelajar MRSM dan orang perseorangan yang datang untuk membuat rujukan dan mendapatkan maklumat.

Pusat Sumber Business Advanced Technology Centre (BATC)

Pusat Sumber Business Advanced Technology Centre (BATC) terletak di tingkat 17, Bangunan Yayasan Selangor. Pusat Sumber BATC bukan sahaja memainkan peranan sebagai pusat maklumat untuk pelajar Pasca Ijazah dari International Campus Kuala Lumpur, tetapi juga untuk kebanyakan unit yang terletak di Bangunan Yayasan Selangor seperti International Business School (IBS) dan juga pensyarah dari Kolej Sains dan Teknologi (KST).

Selain itu, Pusat Sumber BATC turut memberi penekanan kepada perkhidmatan maklumat, pembangunan koleksi serta giat memainkan peranan sebagai sebuah Pusat Sumber Digital yang menyediakan sistem rangkaian maklumat secara elektronik kepada pengguna yang kebanyakannya adalah terdiri daripada para akademik dan pelajar Pasca Ijazah.

Sepanjang tahun 2009, Pusat Sumber BATC telah mengendalikan sebanyak 8 siri Bengkel Pencarian Maklumat kepada pelajar Pasca Ijazah.





SOKONGAN PENYELIDIKAN

Penyediaan Maklumat Penulisan, *Citations dan High Impact Journal*

PSZ telah mengumpul dan menyediakan data penulisan serta citation staf dan penyelidik UTM bagi tempoh lima tahun (2004–2008). Maklumat ini merupakan salah satu keperluan data yang diperlukan bagi permohonan penarafan Universiti Penyelidikan oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Di samping itu, PSZ juga bekerjasama dengan pengurusan UTM untuk penilaian kenaikan pangkat staf akademik, serta keperluan Unit Kualiti UTM dan Pencalonan Anugerah PERSAMA 2009. Selain itu, PSZ juga telah menyediakan senarai *High Impact Journal* yang dipaparkan di laman web PSZ untuk keperluan rujukan Universiti.

Perkhidmatan Pangkalan Data

Sehingga Disember 2009, jumlah akses kepada pangkalan data atas talian untuk 34 judul yang telah diterima statistik penggunaannya mencatatkan peningkatan sebanyak 50.17% berbanding jumlah akses pada tahun 2008.


Perbandingan jumlah akses pangkalan data atas talian




Peningkatan ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti:

- Peningkatan keperluan untuk merujuk kepada jurnal berimpak tinggi oleh pensyarah dan penyelidik dalam menghasilkan penulisan dan penerbitan di peringkat antarabangsa.
- Peningkatan kemudahan akses pangkalan data dari luar kampus melalui Virtual Private Network.

Jumlah Penerbitan UTM



Kumulatif Untuk Jurnal Berimpak Tinggi Mengikut Tahun



AUTOMASI PERPUSTAKAAN

Pembinaan Portal PSZ

Pembangunan portal bagi tahun 2009 bermula dengan pemindahan data ke pelayan baru yang dilaksanakan pada Februari 2009. Sistem operasi pelayan baru ini menggunakan Linux Ubuntu 9.04, dan mampu untuk memberi akses yang lebih pantas dalam mencapai maklumat dari portal serta mempunyai kawalan keselamatan yang lebih tinggi.

Seterusnya, perancangan untuk menaiktaraf Portal PSZ turut bermula selaras dengan langkah penjenamaan semula yang dilaksanakan oleh pihak Universiti. Pembangunan Portal PSZ yang baru telah dilaksanakan dari Mei hingga Jun 2009 dengan kerjasama lima orang Ahli Jawatankuasa Portal (Webteam) yang terdiri daripada Pustakawan dari setiap unit. Portal PSZ yang baru ini dibangunkan dengan menggunakan Joomla sebagai Sistem Pengurusan Halaman (*Content Management System*) dan pangkalan data MySQL version 5.0.

PSZ turut membangunkan portal untuk kegunaan setiap bahagian sebagai medium untuk berkongsi dan menyebarkan maklumat dalam PSZ. Beberapa siri latihan bagi penyelenggaraan laman web mengikut bahagian telah dilaksanakan pada 10 hingga 11 September 2009 dan dibimbing oleh ahli-ahli Webteam PSZ. Setiap bahagian diwakili oleh seorang Pustakawan dan seorang Pembantu Perpustakaan dan diberi latihan dalam menyediakan rekabentuk web serta kemasukan dan pengurusan maklumat dalam web.



Kemudahan komputer disediakan untuk kegunaan pengguna PSZ

Membina Animasi Montaj

Montaj bagi beberapa perasmian besar telah dapat dihasilkan dengan adanya aplikasi animasi multimedia seperti aplikasi suntingan video Edius Conopus (High Definition), Macromedia Flash dan juga aplikasi audio Sony Sound Forge. Antara montaj yang telah dihasilkan adalah montaj sempena Anugerah Kualiti Naib Canselor (Februari 2009), Penubuhan UTM Reading Stations (Mei 2009) dan Montaj Academic Performance Audit (Disember 2009).

Kemudahan Komputer PSZ

Setakat 2009, bilangan komputer yang terdapat di PSZ khusus untuk kemudahan pengguna adalah sebanyak 187 buah iaitu untuk kegunaan INFOLAN2 (31 buah), ruang tugasan (28 buah) dan melayari Internet (128 buah). Selain itu, terdapat juga ruangan khas Laptop Area yang dilengkapi dengan kemudahan rangkaian khusus untuk pengguna yang ingin menggunakan komputer riba.

Kemudahan Rangkaian PSZ

Sebagai salah satu usaha memenuhi kehendak pelanggan yang inginkan capaian Internet yang lebih efisien dan laju, PSZ telah menjalankan beberapa proses naiktaraf rangkaian dengan menjalankan beberapa siri ujian seperti *test speed downloading* pada April 2009 dan *Multiple Spanning Tree Protocol Deployment* pada Jun 2009. Kedua-dua ujian ini dijalankan dengan kerjasama pihak vendor dan Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi, UTM (CICT). Penstrukturkan semula rangkaian tanpa wayar Wi-fi turut dilaksanakan secara berpusat oleh CICT-WCC pada April 2009.



Cabaran 2010

CABARAN 2010

Perkembangan Sistem Pengurusan Perpustakaan PSZ

Sistem Pengurusan Perpustakaan PSZ bermula dengan penggunaan sistem Berlian pada tahun 1986 hingga 1990 diikuti dengan Sistem Dynix yang diperkenalkan pada 1991 dan sedekad selepas itu digantikan dengan Advance. Sejajar dengan perubahan teknologi dan tuntutan pengguna yang semakin meningkat, Sistem Pengurusan Perpustakaan PSZ akan terus mengalami evolusi di mana pada 2010 PSZ akan memperolehi Sistem Pengurusan Perpustakaan yang dikenali sebagai *Symphony Library Management System*. Perancangan yang teliti adalah amat penting dalam memastikan peralihan sistem ini dapat dilaksanakan dengan lancar dan sempurna.

Kepuasan Pelanggan

PSZ mengadakan Kajian Kepuasan Pelanggan pada setiap tahun. Sasaran 80% kepuasan pelanggan telah ditetapkan oleh UTM dan ini menjadi satu cabaran kepada PSZ. Perhatian yang lebih perlu diberi kepada aspek perkhidmatan dan produk yang masih berada di tahap sederhana. Selain itu, penekanan juga perlu diberi perhatian terhadap penurunan peratus pencapaian dalam Indeks Staf, Indeks Maklumat dan Indeks Persekutaran.

Evolusi sistem pengurusan perpustakaan PSZ



UTMRS 46 di Foyer Bangunan Pentadbiran UTM

Perkembangan UTM Reading Stations (UTMRS)

Sebagai peneraju kepada projek budaya membaca di UTM, PSZ perlu berusaha mengenalpasti lokasi-lokasi tumpuan warga UTM untuk dijadikan sebagai lokasi UTMRS. Tindakan ini diharap akan dapat mewujudkan suasana keilmuan dan meningkatkan minat terhadap membaca. Selain itu, kegiatan promosi harus dijalankan dengan lebih giat dalam memastikan UTMRS sedia ada di manfaatkan sepenuhnya di samping terus mendapat sokongan dan sumbangan dalam bentuk bahan bacaan daripada semua pihak. Konsep UTMRS ini juga akan turut diperluaskan lagi dengan menubuhkannya di sekolah-sekolah terpilih di sekitar Johor Bahru.



Pembangunan Koleksi PSZ

Adalah menjadi satu cabaran bagi PSZ untuk memastikan koleksinya dibangunkan dengan menepati keperluan pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan. Dengan pertambahan fakulti serta Research Alliance, adalah menjadi harapan PSZ untuk menjalin kerjasama erat dengan semua pihak bagi memastikan koleksi PSZ benar-benar menepati keperluan seperti yang diharapkan.



Perkembangan Perpustakaan Fakulti

Dengan pertambahan bilangan jabatan/fakulti/pusat di UTM, PSZ perlu berusaha dengan lebih giat bagi memastikan kesemua fakulti baru ini dilengkapi dengan Perpustakaan Fakulti untuk memenuhi keperluan pengguna fakulti. Antara keperluan yang perlu dipenuhi adalah keperluan ruang pembelajaran yang ditadbir urus mengikut garispanduan sebuah perpustakaan, membantu menguruskan Perpustakaan Fakulti selaras dengan Perpustakaan Induk dan memberi kemudahan merujuk kepada sumber maklumat asas yang bersesuaian dengan keperluan fakulti/pusat serta membantu pengguna bagi menggalakkan perkongsian maklumat di peringkat fakulti/jabatan dengan PSZ.

Penambahbaikan Berterusan Menerusi Penaiktarafan Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2008

Perpustakaan berazam untuk mencapai tahap keberkesanan pengendalian dan terus menjadi organisasi yang mengutamakan keperluan pelanggan di samping memajukan perkhidmatannya untuk terus berdaya saing. Sehubungan dengan itu, PSZ perlu memastikan kualiti perkhidmatan yang disediakan menepati standard terkini sejajar dengan keperluan Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2008 yang menekankan beberapa aspek baru berbanding versi sebelumnya.

UTM Institutional Memory

Perancangan yang teliti adalah perlu dalam memastikan kejayaan PSZ membangunkan arkib digital bagi koleksi-koleksi gambar-gambar bersejarah UTM bermula daripada penubuhannya sehingga kini. Portal khusus yang dikenali sebagai *UTM Institutional Memory* akan dibangunkan untuk memudahkan capaian dan organisasi gambar-gambar, sejarah UTM, maklumat mantan pentadbir, pelajar UTM serta turut menampilkan Alumni UTM yang berjaya. Adalah menjadi harapan agar portal ini berjaya dimanfaatkan oleh semua warga UTM serta Alumni UTM untuk menyimpan imbauan kenangan sepanjang bergelar pelajar di UTM agar dapat dijadikan sumber rujukan generasi yang akan datang.

Perkhidmatan Maklumat Alumni UTM

Peranan PSZ sebagai gedung ilmu kepada warganya diperluaskan lagi dengan kemudahan perkhidmatan maklumat Alumni UTM yang ditawarkan secara percuma kepada semua graduan UTM. Cetusan idea ini dilihamkan oleh Naib Canselor UTM sebagai salah satu usaha menjalankan kerjasama erat dengan graduan UTM serta menarik minat lebih ramai lagi pengguna agar dapat memanfaatkan koleksi PSZ sepenuhnya. Perancangan serta aliran kerja yang lebih efisien perlu dirancang agar lebih banyak kemudahan seperti pakej maklumat khusus dapat ditawarkan kepada Alumni UTM.

Projek Knowledge Management

Pada 29 Oktober hingga 1 November 2009, satu seminar berkaitan *Leadership for Librarian* telah diadakan bersempena dengan Persidangan Tahunan Pustakawan PSZ. Dalam seminar ini, satu projek Pembangunan *Knowledge Management (KM)* telah diketengahkan oleh fasilitator program iaitu Prof. Syed Mohd. Famy bin Syed Mansor, mantan Timbalan Naib Canselor UTM. Melalui projek ini, PSZ akan memperolehi, mengurus dan merekodkan kepakaran serta *facit knowledge* yang dimiliki oleh pakar di UTM. Langkah ini bertujuan untuk memudahkan penyebaran, rujukan dan perkongsian ilmu agar mudah diakses dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh warga UTM. Adalah menjadi harapan agar diakhir projek ini, akan terhasil satu rangka kerja projek KM yang unik kepada UTM berserta dengan sebuah Portal KM yang akan menyimpan semua maklumat yang telah dikumpulkan.



Annual Report 2009

**PERPUSTAKAAN SULTANAH ZANARIAH
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

ANNUAL REPORT 2009

PERPUSTAKAAN SULTANAH ZANARIAH

Copyright © 2009

All Rights Reserved. No part of this Annual Report may be reproduced without a written permission from Perpustakaan Sultanah Zanariah.

ISBN 983-9119-77-X



